

BANGKOK,
Selasa

PARA pemimpin tertinggi tentera Thai dan Malaysia berunding mengenai kemungkinan menggempur pengganas-pengganas komunis yang bergerak di sempadan mereka, menurut sumber-sumber tentera Thai yang mengetahui.

Menurut mereka, rundingan itu diadakan di sebelah sempadan Malaysia, manakala askar-askar Thai mara ke sebuah kubu yang disyaki di Betong, kira-kira 2,000 meter dari sempadan.

Butir-butir mengenai perbincangan itu, yang bertepatan dengan laporan mengatakan dua puak pengganas komunis yang berpecah bersetuju untuk bersatu semula setelah bersengketa mengenai ideologi selama satu dekad itu, tidak dijelaskan.

Persetujuan sempadan

Pengganas PKM terus diburu oleh tentera Thailand — Malaysia

antara Thailand dan Malaysia ialah untuk memburu mereka, tetapi ini tidak dilakukan sejak dua tahun lalu kerana dibantah oleh Panglima Tentera Keempat Thai ketika itu, Jeneral Harn Leenanond.

Dilepas

Jeneral itu dilepaskan dari jawatannya itu dalam rombakan tahunan ke atas tentera Oktober lalu.

Sumber-sumber tentera Thai berkata, mereka menerima laporan perisikan bahawa puak-puak

barisan revolusi dan Marxis-Lenin dalam PKM itu menyatukan pasukan mereka kira-kira sebuah tahun lalu dalam usaha menentang penggempuran anti-pengganas yang dilancarkan oleh Thailand.

Penggempuran Thai itu dilancarkan dengan gerakan yang sama di sempadan Malaysia bagi mengepung pengganas-pengganas itu.

Menurut sumber-sumber itu lagi, para pemerhati kanan tentera Thai dan Malaysia ditempatkan dengan unit-unit utama kedua pasukan bagi

mengeratkan kerjasama. Sementara itu, tentera kerajaan semalam memarah sebuah radio transmiter, dokumen dan bekalan makanan dari pengganas Parti Komunis Malaya manakala penggempuran besar-besaran Thai-Malaysia ke atas kubu-kubu PKM itu diteruskan, menurut seorang pegawai kanan tentera hari ini.

Kol. Kittit Rattanachaya, Timbalan Peminatih Pasukan Penggempuran campuran Thai-Malaysia, memberitahu dalam temubual menerusi telefon, bahawa radio transmiter dan dokumen-dokumen itu dirampas apabila pengganas-pengganas itu berundur ke dalam hutan setelah bertempur dengan askar-askar kerajaan.

Menurut Kol. Kittit, dua askar Thai cedera terpalak jerangkap asamar di wilayah Yala dalam daerah Betong. Setakat ini, cuma mereka sahaja yang mendapat kemalangan dalam pertempuran itu.

Hari ini, tentera kerajaan meneruskan gerakan untuk merampas sebuah lagi kubu pengganas itu di sempadan yang bergünung dengan Malaysia, kata beliau.

Lewat Oktober lalu, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Musa Hitam, berkata di satu sidang akhbar di Bangkok, kira-kira 1,840 pengganas PKM masih bergerak di sempadan 560 kilometer itu.